

KERATAN AKHBAR SINAR HARIAN : 4 FEBRUARI 2016





Sebahagian anggota trafik yang sudah bersiap sedia menjalankan tugas menunjukkan isyarat bagus.



Zailan menyampaikan kit keselamatan berisi buah limau dan maklumat keselamatan jalan raya.



Zailan memotong riben sempena pelancaran Ops Selamat.

**BANTING** - Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat mengambil inisiatif melancarkan Ops Selamat sempena Tahun Baharu Cina bermula 1 hingga 12 Februari bagi memberi maklumat mengenai keselamatan lalu lintas kepada pengguna jalan raya.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pesalah lalu lintas terutama sepanjang musim perayaan.

Menurutnya, setiap anggota trafik dikerah membuat pemantauan secara menyeluruh dan mengeluarkan saman serta-merta kepada pesalah trafik.

"Kebanyakan pemandu suka langgar peraturan dengan memotong mengikut laluan kiri terutama tiba di lampu isyarat.

"Keadaan ini memberi kesan kepada pengguna lain dan boleh mengundang risiko kemalangan. Jadi jika ada anggota kita di situ, anggota berhak menahan dan keluaran saman serta-merta," katanya selepas merasmikan Ops Selamat sempena Tahun Baharu Cina di IPD Kuala Langat, kelmarin.

Zailan berkata, pada tahun lalu sahaja sebanyak 973 saman dikeluarkan termasuk 193 kemalangan dan lima kematian dicatatkan sepanjang Ops Selamat.

Bagaimanapun pihaknya berharap tahun ini jumlah saman dapat dikurangkan dengan adanya penurunan had laju sebanyak 10 kilometer per jam di setiap papan tanda yang terdapat di daerah ini bagi tempoh Ops Selamat.

Pada program itu juga, sebanyak 100 kit keselamatan dan buah limau turut diagihkan kepada pengguna jalan raya.



Zailan mengibarkan bendera Malaysia sebelum melancarkan Ops Selamat, kelmarin.



Seorang warga emas yang menaiki basikal turut menerima kit keselamatan daripada Zailan.



Anggota dan Pegawai Amanita Kuala Langat yang turut membantu menyampaikan kit keselamatan jalan raya kepada pemandu.